

'Jurucakap' dunia Islam perlu berani ketika pemimpin lain diam

● Bahasa digunakan bukan darah dan nyawa, tetapi 'pemindahan', 'penempatan semula' dan akhirnya 'penyelesaian muktamad'. Inilah bahaya sebenar apabila bahasa kemanusiaan digantikan dengan bahasa pengurusan

● Hendak menjadi jurucakap dunia Islam, Perdana Menteri tidak perlu mengaku sebagai pemimpin umat sedunia. Cukup sekadar menjadi suara konsisten, berani menyebut kebenaran ketika yang lain memilih berdiam diri

Oleh Dr Mohd Amim Othman
bhrencana@bh.com.my

Sejarah Eropah pernah merekodkan satu tragedi kemanusiaan terbesar abad ke-20 iaitu pembunuhan beramai-ramai (*holocaust*) bangsa Yahudi oleh tentera Nazi, Jerman.

Ia bermula dengan satu kerangka pemikiran meletakkan satu bangsa sebagai masalah perlu diselesaikan. Ini dikenali dalam sejarah sebagai Persoalan Yahudi.

Hari ini, dunia Islam berdepan persoalan semakin kerap dibangkitkan secara senyap atau terbuka iaitu adakah cara masyarakat antarabangsa,

termasuk institusi global seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), melayani permasalahan umat Islam mempunyai persamaan struktur dengan sejarah gelap Nazi.

Dalam sejarah Eropah, kebencian terhadap Yahudi bermula sebagai polemik agama, kemudian berubah menjadi stereotaip ekonomi dan akhirnya dimantapkan melalui teori perkauman.

Apabila ideologi Nazi mendapat kuasa, polemik ini tidak lagi bersifat sosial atau wacana awam, tetapi diterjemahkan ke dalam undang-undang, birokrasi dan dasar negara.

Pembunuhan beramai-ramai tidak dilaksanakan individu marah semata-mata, tetapi sistem pentadbiran terancang dan bersifat teknikal.

Bahasa digunakan bukan darah dan nyawa, tetapi 'pemindahan', 'penempatan semula' dan akhirnya 'penyelesaian muktamad'. Inilah bahaya sebenar apabila bahasa kemanusiaan digantikan dengan bahasa pengurusan.

Dalam wacana global hari ini, umat Islam sering dirujuk sebagai 'isu' atau 'cabaran', ekstremisme Islam, pelarian Muslim, radikalisme, konflik atau ketidakstabilan politik di dunia Islam.

Di Palestin, kematian orang awam sering ditingkatkan pada sudut 'statistik' iaitu berapa ramai terbunuh. Di Myanmar, penderitaan Muslim Rohingya dilabel dari sudut 'migrasi haram' iaitu berapa ramai perlu dihalau.

Di Xinjiang, Muslim Uyghur dibicarakan dari sudut bahasa iaitu satu bangsa perlu diberi 'pendidikan semula'. Di Kashmir pula, penderitaan umat Islam diturunkan tarafnya menjadi 'isu dalaman' iaitu masalah tidak perlu campur tangan orang luar.

Bahasa ini tidak membunuh secara fizikal, namun ia mematikan rasa kemanusiaan. Apabila penderitaan ditangani sekadar melalui laporan, resolusi tanpa kuasa penguatkuasaan dan permainan veto politik, keadilan menjadi ritual birokrasi yang ham-

pa dan tidak dipedulikan.

Akhirnya, penderitaan umat Islam hanya tinggal sebagai kandungan ringkas sebuah kisah boleh dilayari dan dilupakan, tanpa menyentuh hati atau membangkitkan rasa kemanusiaan.

Perlu ditegaskan dengan jelas dunia hari ini tidak menyaksikan rancangan global untuk menghapuskan umat Islam seperti dilakukan Nazi terhadap Yahudi. Tiada ideologi rasmi pemusnahan total umat Islam dan tiada mesin pembunuhan industri berskala global disusun secara terbuka.

Namun, kesannya jelas terpampang di serata tempat. Peperangan dan kemusnahan yang berlaku sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dapat dilihat di kebanyakan negara umat Islam, lalu akhirnya menyumbang kepada pelbagai krisis membelenggu dunia hari ini.

“Dalam suasana dunia Islam sering dilihat berpecah dan bersuara secara terpisah, kehadiran seorang jurucakap mempunyai kredibiliti moral, intelektual dan diplomatik menjadi keperluan mendesak”

Fenomena pelarian, keganasan, kemiskinan, kemunduran dan kejahilan semakin dinormalisasikan, sehingga secara tidak adil dijadikan sinonim kepada identiti dan citra umat Islam itu sendiri.

Namun, persamaan wajar diberi perhatian terletak pada peringkat struktur iaitu menafikan hak Islam melalui bahasa dan penjarakan moral. Inilah fasa awal pernah dilalui Eropah sebelum tercetusnya tragedi kemanusiaan terbesar dalam sejarahnya.

Peranan negara Islam

Berbeza dengan Yahudi di Eropah pada era Nazi, umat Islam hari ini memiliki negara berdaulat, sumber ekonomi dan institusi antarabangsa sendiri. Namun, perpecahan politik, kepentingan rejim dan kegagalan membina pendirian kolektif bermaruah melemahkan suara umat Islam di pentas dunia.

Keadaan ini menyebabkan penderitaan umat Islam mudah diabaikan tanpa menanggung sebarang kos politik yang besar. Walaupun jumlahnya ramai,

umat ini tidak meninggalkan kesan menggemparkan penindas, sebaliknya mereka diumpamakan seperti buih di permukaan lautan banyak bilangannya.

Pengajaran paling penting daripada sejarah Persoalan Yahudi bukan untuk menuntut simpati, tetapi menolak sebarang usaha menjadikan manusia sebagai 'masalah'. Apabila satu umat dilihat bukan sebagai manusia, tetapi sebagai risiko, beban atau ancaman, ia hanya membuka jalan ketidakadilan.

Dalam suasana dunia Islam sering dilihat berpecah dan bersuara secara terpisah, kehadiran seorang jurucakap mempunyai kredibiliti moral, intelektual dan diplomatik menjadi keperluan mendesak.

Dalam konteks ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berada pada kedudukan unik untuk memainkan peranan berkenaan.

Anwar bukan pemimpin muncul daripada kekuatan ketenteraan atau kekayaan sumber, tetapi daripada keteguhan prinsip. Sejarah perjuangannya menentang autoritarianisme, mempertahankan hak asasi manusia dan menegaskan keadilan sejagat memberi beliau bahasa difahami dan dihormati di Barat, tanpa perlu mengorbankan komitmen kepada dunia Islam.

Berbeza dengan sebahagian pemimpin Islam bersuara secara defensif atau reaktif, Anwar membawa pendekatan berprinsip.

Dalam isu Palestin misalnya, beliau tidak mengangkat retorik kebencian, sebaliknya menegaskan kerangka undang-undang antarabangsa, maruah manusia dan kegagalan sistem global menunaikan tanggungjawab moralnya.

Pendekatan ini menjadikan hujah beliau sukar ditolak tanpa menafikan nilai Barat sendiri dakwa perjuangannya. Ini membolehkan Malaysia bertindak sebagai suara pengimbang, menyampaikan penderitaan umat Islam bukan sebagai tuntutan emosional, tetapi sebagai isu keadilan sejagat.

Hendak menjadi jurucakap dunia Islam, Perdana Menteri tidak perlu mengaku sebagai pemimpin umat sedunia. Cukup sekadar menjadi suara konsisten, berani menyebut kebenaran ketika yang lain memilih berdiam diri.

Dalam dunia semakin terbiasa mengurus penderitaan umat Islam melalui laporan dan resolusi kosong, suara berprinsip seperti ini berpotensi mengembalikan dimensi kemanusiaan yang kian terhakis.

Sejarah menunjukkan perubahan besar sering bermula bukan dengan kuasa mutlak, tetapi dengan kejelasan moral. Dalam era kekosongan kepemimpinan berprinsip di dunia Islam, Anwar mempunyai peluang dan tanggungjawab mengisi ruang itu.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH



Pensyarah Kanan,
Fakulti Ekologi
Manusia,
Universiti Putra
Malaysia (UPM)